

Dakwaan Klang 'pusat kasino' tidak berasas

## MPK serbu 34 kafe siber judi

OLEH AFEEQA AFEERA

**KLANG** - Tindakan pihak tertentu yang cuba memburukkan imej Klang sebagai 'pusat kasino' di Selangor adalah amat mendukacitakan dan tidak berdasarkan fakta yang betul.

Statistik Majlis Perbandaran Klang (MPK) membuktikan dakwaan wujudnya 300

“

**Statistik yang dilaporkan menunjukkan bahawa isu premis perjudian di DUN Sementa tidaklah sebanyak di tempat lain dan pada hakikatnya ia antara terendah**

**DR DAROYAH ALWI**  
Adun Sementa

premis perjudian internet di seluruh Parlimen Klang adalah tidak benar.

"Saya menafikan sekeras-kerasnya dakwaan yang mengatakan Parlimen Kapar adalah seperti Genting Highland (pusat kasino) kerana ia ternyata tidak benar dan sengaja ditimbulkan untuk memburuk-burukkan Exco dan Kerajaan Negeri," kata Ahli Parlimen Kapar, G Manivannan dalam satu sidang akhbar di bangunan MPK baru-baru ini.

Penafian itu dibuktikan oleh data yang dibentangkan oleh Pengarah Penguatkuasa MPK, Andry Arman. Antara kawasan yang terpalit dengan tuduhan itu adalah DUN Sementa.

"Statistik yang dilaporkan menunjukkan bahawa isu premis perjudian di DUN Sementa tidaklah sebanyak di tempat lain dan pada hakikatnya ia antara terendah," jelas Adun Dr Daroyah Alwi.

"Ia dibuktikan dan disokong



**G. Manivannan dan Dr Daroyah sewaktu sidang media di bangunan MPK**

dengan pengeluaran kompaun yang sedikit berbanding lokasi lain," tambah beliau.

Menurut Daroyah, DUN Sementara memiliki 10 pusat kafe siber berdaftar, manakala 34 premis yang menjalankan

perniagaan secara haram telah dikenakan tindakan.

Mereka menyeru pihak berkenaan untuk tidak mencebur imej MPK yang giat membanteras perjudian haram di Klang mengikut kuasa dan ke-

mampuan sedia-ada.

"Hentikan tohmahan dan fitnah tidak bertanggung-jawab seperti itu. MPK giat menjalan-kan tugasannya mereka untuk pantau isu berkenaan," kata Manivannan.